KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI**
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**
**Y.BHG. KSU**
**Y.BHG. TKSU (PDN)**
**Y.BHG. TKSU (PPP)**
**SETIAUSAHA AKHBAR**

## 23 DISEMBER 2022 (JUMAAT)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

## 23 DISEMBER 2022 (JUMAAT)

BH BeritaHarian

HARI : JUMAAT

TARIKH : 23/12/2022

M/SURAT : 6

# Sekretariat tetap atasi isu kos sara hidup

**Putrajaya:** Satu sekretariat tetap bagi menangani isu kos sara hidup diwujudkan antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan Kementerian Ekonomi.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata menerusi sekretariat itu, satu pelan tindakan komprehensif akan dihasilkan merangkumi pelan jangka pendek dan panjang bagi menangani isu berkenaan.

Beliau berkata, penubuhan sekretariat itu diputuskan selepas mesyuarat hampir dua jam antaranya bersama Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli di kementeriannya, semalam.

"KPDN sedar untuk usaha meningkatkan kos sara hidup ini, kita tidak boleh bekerja bersendirian, kerana isu kos sara hidup adalah agenda nasional

"Jadi, kita bersetuju mewujudkan sekretariat tetap dua kementerian ini, yang akan pada bila-bila masa mengadakan mesyuarat, pertemuan, libat urus, seminar, bengkel dan seumpamanya supaya dapat bergerak ke depan dengan lebih efisien.

"Selain pembabitan dua kementerian ini, langkah seterusnya adalah mengadakan libat urus dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFs), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan 11 kementerian yang ada dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).



Salahuddin Ayub

"Ini bagi menjayakan rancangan melahirkan satu pelan tindakan yang strategik untuk menangani kos sara hidup," katanya selepas program Penyerahan Sumbangan Food Bank daripada syarikat Tamin Sdn Bhd bagi membantu mangsa banjir di Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Johor di sini, semalam.

Tamin menyumbangkan satu tan barang makanan asas dianggarkan bernilai RM7,300 bagi peringkat pertama yang akan disusuli dengan penghantaran sumbangan seterusnya secara berperingkat.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Tamin, Abd Talib Abd Rahman dan Ketua Setiausaha KPDN, Azman Mohd Yusof.

**Rangka pelan**

Menjelaskan lanjut sekretariat itu, beliau berkata, pihaknya sudah merangka pelan jangka pendek dan panjang, antaranya berkaitan pertukaran data, melihat kepada kumpulan fokus dan dasar contohnya pemberian subsidi serta pendidikan yang lebih berfokus kepada pengguna.

"Ini bagi membolehkan kita saling berinteraksi supaya tidak ada salah faham komunikasi antara pihak berkaitan, termasuk KPDN dan rakyat dalam kita berusaha tingkatkan taraf hidup mereka," katanya.

Ditanya sama ada sekretariat ini akan mengganti tugas dan fungsi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Salahuddin berkata, perkara itu belum diputuskan lagi.

Beliau juga tidak memperincikan tempoh sekretariat tetap itu akan diwujudkan dan berfungsi secara rasmi.

"Sekretariat itu akan diketuai Ketua Setiausaha (KSU) masing-masing, KSU KPDN dan KSU Kementerian Ekonomi, selain turut disertai Jabatan Statistik dan Unit Perancang Ekonomi (EPU)," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya mendapat maklum balas daripada MAFs bahawa bekalan makanan sehingga perayaan Krismas mencukupi.

"KPDN akan terus pantau kestabilan barangan di pasaran, seterusnya memantau skim harga kawalan perayaan Krismas yang dilancarkan baru-baru ini," katanya.

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI : JUMAAT
TARIKH : 23/12/2022
M/SURAT : 11

# Sekretariat tetap tangani isu kos sara hidup ditubuhkan



SALAHUDDIN

**PUTRAJAYA** - Satu sekretariat tetap yang diterajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Kementerian Ekonomi akan ditubuhkan dalam masa terdekat bagi menangani isu berkaitan kos sara hidup rakyat.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, sekretariat itu ditubuhkan kerana KPDN tidak boleh bekerja secara bersendirian untuk membawa aspirasi besar mengenai kos sara hidup.

Beliau berkata, sekretariat yang akan diketuai oleh ketua setiausaha dua kementerian itu serta dianggotai pegawai Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan mengemukakan pelan yang komprehensif dalam menggarap persoalan kos sara hidup.

"Kita bersetuju mewujudkan sekretariat tetap dua kementerian ini yang akan pada bila-bila masa boleh mengadakan mesyuarat, pertemuan, libat urus, seminar, bengkel dan seumpamanya supaya kita dapat bergerak ke hadapan dengan lebih efisien," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima sumbangan makanan asas daripada Syarikat Tamin Sdn Bhd di kementeriannya di sini pada Khamis.

Sebelum itu, Salahuddin mengadakan mesyuarat selama dua jam bersama Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli yang turut dihadiri pegawai DOSM dan EPU.

Menyifatkan mesyuarat itu membuahkan hasil, Salahuddin berkata, banyak perkara dibincangkan antaranya tentang pelaksanaan program jangka pendek dan panjang berkaitan kos sara hidup yang harus ditangani kedua-dua kementerian itu.

Seterusnya, beliau bercadang mengadakan libat urus dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan serta kementerian-kementerian lain yang menganggotai Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Ditanya mengenai situasi bekalan makanan dalam negara, Salahuddin berkata, maklum balas yang diterima daripada MAFS menunjukkan bekalan makanan setakat ini, sehingga perayaan Krismas mencukupi.

"KPDN akan terus pantau kestabilan barangan di pasaran seterusnya memantau skim harga kawalan perayaan Krismas yang dilancarkan baru-baru ini," katanya.

Mengenai sumbangan barangan makanan asas yang diterima pada Khamis, beliau berkata, barangan itu akan diselaraskan Sekretariat Food Bank Malaysia di bawah kelolaan KPDN untuk diedar kepada mangsa banjir. - *Bernama*

| BERITA ONLINE BERTARIKH 23 DISEMBER 2022 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 23-Dec | Sekretariat tetap tangani isu sara hidup diwujud - Salahuddin | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/12/1042871/sekretariat-tetap-tangani-isu-sara-hidup-diwujud-salahuddin | BH |
| 23-Dec | Thumbs up for Christmas price control scheme | https://www.thesundaily.my/local/thumbs-up-for-christmas-price-control-scheme-CL10397555 | THESUNDAILY |
| 23-Dec | Peniaga, pengguna resah telur tiada di pasaran | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/918014/peniaga-pengguna-resah-telur-tiada-di-pasaran | HM |
| 23-Dec | Lebih separuh premis kurang bekalan telur | https://www.utusan.com.my/nasional/2022/12/lebih-separuh-premis-kurang-bekalan-telur/ | UM |
| 23-Dec | KPDN Selangor jalan pemeriksaan mengejut di sektor peruncitan | https://youtu.be/aCGsiAqpVRY | BERNAMATV |
| 23-Dec | KPDN Bintulu jamin bekalan barangan keperluan stabil menjelang Krismas | https://tvstv.my/2022/12/22/kpdn-bintulu-jamin-bekalan-barangan-keperluan-stabil-menjelang-krismas/ | TVSTV |
| 23-Dec | Guna ‘sistem lampu isyarat’ untuk pastikan bekalan mencukupi | https://bebasnews.my/2022/12/22/guna-sistem-lampu-isyarat-untuk-pastikan-bekalan-mencukupi/ | BEBASNEWS |
| 23-Dec | Perlu kerjasama banteras penyelewengan barangan bersubsidi | https://harakahdaily.net/index.php/2022/12/22/perlu-kerjasama-banteras-penyelewengan-barangan-bersubsidi/ | HARAKAHDAILY |
| 23-Dec | Permanent secretariat to be set up to address cost of living issues: Salahuddin | https://www.thesundaily.my/local/permanent-secretariat-to-be-set-up-to-address-cost-of-living-issues-salahuddin-AF10400257 | THESUNDAILY |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 23-Dec | KPDN dan Kementerian Ekonomi Tubuh Sekretariat Tetap Tangani Kos Sara Hidup | https://malaysiagazette.com/2022/12/22/kpdn-dan-kementerian-ekonomi-tubuh-sekretariat-tetap-tangani-kos-sara-hidup/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 23-Dec | KPDN akan tubuh satu sekretariat tangani isu kos sara hidup | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/53731-kpdn-akan-tubuh-satu-sekretariat-tangani-isu-kos-sara-hidup | BERITARTM |
| 23-Dec | Kerajaan tubuh sekretariat tetap tangani isu kos sara hidup | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/918143/kerajaan-tubuh-sekretariat-tetap-tangani-isu-kos-sara-hidup | HM |
| 23-Dec | KPDN, Kementerian Ekonomi tubuhkan sekretariat tetap tangani kos sara hidup | https://www.google.com/amp/s/www.malakattribunenews.com/2022/12/kpdn-kementerian-ekonomi-tubuhkan-sekretariat-tetap-tangani-kos-sara-hidup/amp/ | MALAKATTRIBENEWS |
| 23-Dec | Permanent secretariat to be set up to address cost of living issues - Salahuddin | https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/186909 | SHDAILY |
| 23-Dec | Kerajaan tubuh sekretariat tangani isu kos sara hidup, kata menteri | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/418870 | THEMALAYSIANINSIGHT |
| 23-Dec | Kementerian tubuh sekretariat tangani isu kos sara hidup rakyat | https://selangorkini.my/2022/12/kementerian-tubuh-sekretariat-tangani-isu-kos-sara-hidup-rakyat/ | SELANGORKINI |
| 23-Dec | Kerajaan mahu tubuh sekretariat tetap tangani isu kos sara hidup | https://www.kosmo.com.my/2022/12/22/kerajaan-mahu-tubuh-sekretariat-tetap-tangani-isu-kos-sara-hidup/ | KOSMO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 23-Dec | Kerajaan tubuh sekretariat tetap tangani isu kos sara hidup | https://www.google.com/amp/s/malaysiapost.com.my/2022/12/22/kerajaan-tubuh-sekretariat-tetap-tangani-isu-kos-sara-hidup/amp/ | MALAYSIAPOST |
| 23-Dec | Sekretariat tetap tangani isu kos sara hidup ditubuhkan | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/237354 | SH |
| 23-Dec | Sekretariat tetap tangani kos sara hidup ditubuhkan | https://www.bernama.com/bm//news.php?id=2150270 | BERNAMA |
| 23-Dec | Permanent secretariat to be set up to aderess cost of living issues | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2150292 | BERNAMA |
| 23-Dec | Sekretariat tetap tangani isu kos sara hidup ditubuhkan | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/sekretariat-tetap-tangani-isu-kos-sara-hidup-ditubuhkan-398294%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 23-Dec | Permanent secretariat to be set up to address cost of living issues, says Salahuddin | https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/12/22/permanent-secretariat-to-be-set-up-to-address-cost-of-living-issues-says-salahuddin | THESTAR |
| 23-Dec | KPDN, Kementerian Ekonomi tubuh sekretariat tetap tangani isu kos sara hidup rakyat | https://malaysiagazette.com/2022/12/22/kpdn-kementerian-ekonomi-tubuh-sekretariat-tetap-tangani-isu-kos-sara-hidup-rakyat/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 23-Dec | Joint Ministries Establishing Permanent Secretariat To Address Cost Of Living Issues | https://www.businesstoday.com.my/2022/12/22/permanent-secretariat-dealing-with-issues-of-cost-of-living-to-be-established/ | BUSINESSTODAY |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 23-Dec | Permanent secretariat to be set up to address cost of living issues | https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2022/12/863493/permanent-secretariat-be-set-address-cost-living-issues | NST |
| 23-Dec | Sekretariat tetap tangani isu kos sara hidup | https://www.utusan.com.my/nasional/2022/12/sekretariat-tetap-tangani-isu-kos-sara-hidup/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=sekretariat-tetap-tangani-isu-kos-sara-hidup | UM |
| 23-Dec | Putrajaya sets up secretariat to tackle rising cost of living | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2022/12/22/putrajaya-sets-up-secretariat-to-tackle-rising-cost-of-living/ | FMT |
| 23-Dec | Permanent secretariat to be set up to address cost of living issues, says minister | https://www.theedgemarkets.com/node/649263 | THEEDGEMARJETS |
| 23-Dec | Permanent secretariat to be set up for cost of living issues: Salahuddin | https://www.thevibes.com/articles/news/81013/permanent-secretariat-to-be-set-up-for-cost-of-living-issues-salahuddin | THEVIBES |
| 23-Dec | Sekretariat tetap tangani isu kos sara hidup ditubuhkan | https://www.melakahariini.my/sekretariat-tetap-tangani-isu-kos-sara-hidup-ditubuhkan/ | MELAKAHARINI |
| 23-Dec | KPDN, Kementerian Ekonomi tubuhkan sekretariat tetap tangani kos sara hidup | https://youtu.be/yzhTffgwBZc | MELAKATTRIBUNE |
| 23-Dec | PM Hadir Konvensyen Hari Penjaja dan Peniaga Kecil 2022 | https://malaysiagazette.com/2022/12/22/pm-hadir-konvensyen-hari-penjaja-dan-peniaga-kecil-2022/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 23-Dec | Aktiviti ejen monopoli tapak pasar, bazar Ramadan perlu dihentikan – Anwar | https://www.utusan.com.my/nasional/2022/12/aktiviti-ejen-monopoli-tapak-pasar-bazar-ramadan-perlu-dihentikan-anwar/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=aktiviti-ejen-monopoli-tapak-pasar-bazar-ramadan-perlu-dihentikan-anwar | UM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 23-Dec | 1 tan sumbangan makanan asas untuk mangsa banjir | https://malaysiagazette.com/2022/12/22/1-tan-sumbangan-makanan-asas-untuk-mangsa-banjir/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 23-Dec | Floods: Fresh food in Kelantan dwindling, dry food sufficient, Terengganu still stable | https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/12/22/floods-fresh-food-in-kelantan-dwindling-dry-food-sufficient-terengganu-still-stable | THESTAR |
| 23-Dec | Banjir: Bekalan barangan basah bermasalah, makanan kering dan telur mencukupi | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/918209/banjir-bekalan-barangan-basah-bermasalah-makanan-kering-dan-telur-mencukupi | HM |
| 23-Dec | Fresh food dwindling, enough dry food in Kelantan, Terengganu stable | https://harakahdaily.net/index.php/2022/12/23/fresh-food-dwindling-enough-dry-food-in-kelantan-terengganu-stable/ | HARAKAHDAILY |
| 23-Dec | KPDN tahan lelaki cuba seleweng diesel bersubsidi di Sandakan | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-tahan-lelaki-cuba-seleweng-diesel-bersubsidi-di-sandakan-PF10400834 | THESUNDAILY |
| 23-Dec | KPDN detain suspect, seize 6,660 litres of subsidised diesel in Beluran | https://www.thesundaily.my/local/kpdn-detain-suspect-seize-6660-litres-of-subsidised-diesel-in-beluran-PF10401349 | THESUNDAILY |
| 23-Dec | KPDN detain suspect, seize 6,660 litres of subsidised diesel in Beluran | https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2150355 | BERNAMA |
| 23-Dec | KPDN tahan lelaki cuba seleweng diesel bersubsidi di beluran | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2150337 | BERNAMA |
| 23-Dec | Risikan 72 jam membuahkan hasil | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/918213/risikan-72-jam-membuahkan-hasil | HM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 23-Dec | Risikan 72 jam membuahkan hasil | https://www.buletintv3.my/jenayah/risikan-72-jam-membuahkan-hasil/ | BULETINTV3 |
| 23-Dec | KPDN Tawau tumpaskan penyelewengan 23,800 diesel bersubsidi di stor haram | https://www.dailyexpress.com.my/news/204828/kpdn-tawau-tumpaskan-penyelewengan-23-800-diesel-bersubsidi-di-stor-haram/ | DAILYEXPRESS |
| 23-Dec | Kerajaan Negeri Perlis usaha kurangkan kegiatan penyeludupan barangan subsidi | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/918171/kerajaan-negeri-perlis-usaha-kurangkan-kegiatan-penyeludupan-barangan | HM |